

# Malaysia buka kilang mikro cip pertama

PEMBINAAN kilang mikro cip pertama di Malaysia bernilai kira-kira RM110 juta dijangka dapat memenuhi keperluan industri kejuruteraan automobil negara dan bidang berkaitan yang banyak memerlukan produk serupa itu dalam operasi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata pasaran teknologi mikro cip di negara ini sudah lama wujud terutama dalam bidang kejuruteraan automobil yang memerlukan banyak alat itu.

"Contohnya, pengeluaran kereta ne-

gara, Proton yang menghasilkan lebih 100,000 kereta setahun memerlukan kira-kira 20 mikro cip untuk membuat sebuah kereta.

"Ini bermakna pasaran untuk produk itu sudah tersedia bagi kegunaan tempatan dan selain itu ia memberi manfaat kepada syarikat pengeluar komputer di negara ini yang memerlukan produk itu," katanya.

Institut Sistem Mikroelektronik Malaysia (Mimos) dipertanggungjawabkan membina kilang mikro cip terbabit dan dijangka berupaya me-

nampung keperluan tempatan.

Kilang mikro cip, berkenaan akan didirikan di Taman Teknologi Malaysia di Bukit Jalil. Ia akan beroperasi sepenuhnya pada 1996 dan menjadi aset penting bagi pembangunan negara.

Sehingga kini, hanya ada beberapa syarikat semi konduktor asing yang menghasilkan mikro cip tetapi kebanyakannya untuk dieksport bukannya kegunaan tempatan.

Dr Mahathir berkata, reka bentuk mikro cip itu akan dicipta secara eksklusif oleh Mimos dan dikhas-

kan untuk keperluan kegunaan tempatan di samping menyediakan keperluan pihak lain yang memerlukan produk itu.

Menurutnya, walaupun keupayaan Mimos masih di peringkat permulaan, namun sambutan daripada sektor swasta begitu menggalakkan terutama dalam menggunakan kepakaran Mimos untuk ujian dan mereka cipta mikro cip.

"Pihak swasta boleh bekerjasama dengan Mimos untuk melaksanakan tugas itu selain menggunakan kemudahan yang ada di institut itu

walaupun mereka terpaksa dikenakan bayaran bagi perkhidmatan yang digunakan," katanya.

Beliau berkata demikian pada persidangan akhbar selepas melancarkan peningkatan Projek Kerjasama Rangkaian Bersepadu Penyelidikan Termaju (Jaring) dari 64 kbps ke 1,536 kbps di Kuala Lumpur, baru-baru ini. Hadir sama pada majlis itu, ialah Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding dan Ketua Pengarah Mimos, Tengku Mohd Azzman Shariffadeen.